



PEMBERITAHUAN

Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (MCMC) akan menjalankan beberapa kajian bagi tujuan pengumpulan data berkaitan akses dan penggunaan telefon bimbit, e-dagang, kualiti pengalaman jalur lebar dan kadar kepuasan pengguna seperti berikut:

- a. Kajian Pengguna Telefon Bimbit;**
- b. Kajian Pengguna e-Dagang;**
- c. Kajian Kualiti Pengalaman Jalur Lebar;**
- d. Kajian Kepuasan Pengguna – Perkhidmatan Jalur Lebar dan Selular Mudah Alih; dan**
- e. Kajian Kepuasan Pengguna – Perkhidmatan Kurier.**

Kajian ini akan bermula dari 22 April 2021 sehingga 31 Disember 2021. Pungutan data akan dijalankan dari pukul 9:00 pagi hingga 6:00 petang setiap hari, kecuali hari kelepasan am negara dan negeri.

Kajian ini akan dijalankan melalui sistem kajian dalam talian selamat MCMC dan melalui sesi temu ramah bersemuka yang dikendalikan oleh wakil daripada Pusat Internet Komuniti (PIK). Setiap responden adalah dipilih secara rawak untuk menyertai soal selidik ini.

Adalah dimaklumkan bahawa tujuan kajian ini adalah untuk pengumpulan data sahaja. Tiada sebarang data peribadi seperti nama penuh atau maklumat bank akan dikutip. Selain itu, tiada wang akan dikutip mahupun sebarang urusan jualan dilakukan.

Penyertaan bagi kajian ini adalah secara sukarela. Walau bagaimanapun, kerjasama daripada responden adalah sangat dihargai. Sebarang penamatan atau pelanjutan tempoh kajian akan diumumkan dengan sewajarnya melalui laman sesawang MCMC: www.mcmc.gov.my.

Garis panduan untuk mengambil bahagian dalam kajian adalah seperti berikut:

a. Sistem Kajian Dalam Talian Selamat MCMC

LANGKAH 1:



Responden klik pada pautan atau imbas kod QR yang disediakan di bawah menggunakan kamera telefon pintar atau aplikasi pengimbas QR. Setiap responden hanya boleh mengambil bahagian dalam satu kajian SAHAJA.

| | |
|--|---|
| Kajian Pengguna Telefon Bimbit  Pautan | Kajian Pengguna e-Dagang  Pautan |
| Kajian Kualiti Pengalaman Jalur Lebar  Pautan | Kajian Kepuasan Pengguna – Perkhidmatan Jalur Lebar dan Selular Mudah Alih  Pautan |
| Kajian Kepuasan Pengguna – Perkhidmatan Kurier <i>(akan diumumkan kelak)</i> | |

LANGKAH 2:



Responden akan dibawa terus ke portal selamat MCMC untuk melengkapkan kajian.

LANGKAH 3:



Responden perlu mengikuti arahan dan menjawab semua soalan.

LANGKAH 4:



Responden perlu menekan butang "Hantar" untuk menghantar kajian yang telah dilengkapkan.

b. Temu Ramah Bersemuka Oleh Wakil Pusat Internet Komuniti

LANGKAH 1:



Responden yang telah dikenal pasti bersetuju untuk mengambil bahagian dalam kajian.

LANGKAH 2:



Wakil Pusat Internet Komuniti akan memulakan sesi temu ramah berdasarkan skrip kajian yang telah disediakan.

LANGKAH 3:



Responden menjawab kajian sehingga selesai.

Untuk maklumat lanjut, sila hubungi:
Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia
MCMC HQ Tower 1, Jalan IMPACT, Cyber 6, 63000 Cyberjaya, Selangor
(u.p: Jabatan Statistik dan Risikan Data)

Tel: +603 8688 8000 Fax: +603 8688 1000
Emel: skmm.cati@mcmc.gov.my

www.mcmc.gov.my